

Haram main Forex Internet

Oleh ADHAM SHADAN

adham.shadan@kosmo.com.my

KOTA BHARU - Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan semalam memutuskan aktiviti perdagangan mata wang asing (Forex) melalui Internet dan perkhidmatan broker bagi urus niaga itu sebagai haram.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin (**gambar kecil**) berkata, keputusan tersebut dibuat selepas pihaknya melaksanakan kajian dan mendapati ada beberapa isu yang meragukan.

“Ia antara lain tidak memenuhi syarat jual beli dalam Islam, tidak ada kontrak dan mendatangkan spekulasi yang besar. Seseorang boleh untung dan rugi pada suatu masa. Justeru, kami meminta orang Islam supaya tidak menyertai program atau perniagaan Forex di Internet, setakat ini ia haram,” tegasnya ketika ditemui selepas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-98 di sini semalam.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya mendapati perdagangan Forex melalui bank dan pengurup wang yang sah masih dibenarkan kerana semua transaksinya jelas dan tidak melibatkan spekulasi.

“Terdapat tiga jenis perdagangan Forex; pertama, bank ke bank, yang keduanya,



URUS NIAGA Forex di Internet ditetapkan sebagai haram di sisi Islam berikutan wujud beberapa isu yang melanggar hukum syarak. – Gambar hiasan

INFO Proses urus niaga Forex di Internet



menerusi pengurup wang, dan yang ketiga ialah perdagangan di Internet atau broker.

“Hanya Forex di Internet dan menerusi broker ini sa-

haja yang tidak dibenarkan dalam Islam,” jelasnya.

Urus niaga Forex di Internet dipercayai aktif di Malaysia sejak beberapa tahun lalu dengan nilai pasaran gol-

bal berdasarkan statistik Bank for International Settlements yang berpangkalan di Switzerland berjumlah AS\$4 trilion (RM12.1 trilion) setahun.

Dalam pada itu, Ketua Ekonomi dan Perancangan Strategik Bank Islam Malaysia Bhd., Azrul Azwar Ahmad Tajudin berharap Majlis Fatwa Kebangsaan dapat menjelaskan definisi ‘Internet’ dan ‘broker’ dalam fatwa yang dikeluarkannya supaya tidak mengelirukan umat Islam.

Katanya, ada bank komersial yang turut menjalankan urus niaga perdagangan mata wang asing melalui Internet.

“Internet ini hanyalah satu platform, persoalannya adakah semua urusan perdagangan mata wang asing melalui Internet adalah haram?”

“Selain itu, maksud ‘broker’ juga perlu diperjelaskan, sekiranya bank melantik broker untuk menjalankan urus niaga perdagangan mata wang asing, mungkinkah ia haram?” katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, laman web Bank Negara Malaysia menjelaskan, mereka yang boleh membeli dan menjual mata wang asing di Malaysia ialah bank Islam atau bank komersial berlesen, bank pelaburan, pengurup wang berlesen dan bank pesisir luar Labuan.

Katanya, perbuatan menjual dan membeli mata wang asing kepada orang lain selain penderang yang dibenarkan adalah satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Mata Wang 1953.